

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 28 MAC 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1421-MQT0375
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang akan terjadi kepada baki dana perlindungan kesihatan MySalam sekiranya jumlah tuntutan kurang daripada jumlah dana tersebut serta apakah anggaran bantuan yang akan diterima oleh kumpulan B40 setiap tahun.

2. PR-1421-MQT0379
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bagaimana Kementerian akan memastikan bahawa kawasan alam sekitar yang sensitif, dengan izin, "*Environmentally Sensitive Areas*", sentiasa dipelihara.

3. PR-1421-MQT0357
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah perbezaan di antara rasuah dan tipuan bida dan apakah fungsi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam membanteras aktiviti tipuan bida tersebut.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 28 MAC 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1421-L03495
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah usaha Kementerian untuk mengatasi masalah pembaziran makanan di setiap peringkat, mengikut contoh Perancis, di mana makanan lebihan daripada pusat-pusat komersial seperti Tesco disalurkan secara sistematik kepada golongan yang layak.

2. PR-1421-L03525
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pendaftaran baharu dan pengemaskinian Bantuan Sara Hidup (BSH) yang telah diterima dan bagaimanakah pihak Kementerian dapat memastikan individu yang benar-benar layak dapat menerima BSH ini walaupun tidak mempunyai dokumen lengkap.

3. PR-1421-L03664
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada sasaran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) untuk mencapai *target* keluasan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia sebanyak 5 juta hektar menjelang tahun 2020 boleh tercapai.

4. PR-1421-L03329
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) apakah hasil yang telah diperoleh oleh Kerajaan melalui Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP); dan
 - (b) adakah terdapat sebarang perkara serta keputusan penting yang telah dibuat.
5. PR-1421-L03047
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menjelaskan adakah ranking dunia bagi IPTA boleh dijadikan sebagai kayu pengukur atau petunjuk aras prestasi IPTA dalam memastikan pendidikan tinggi negara berada di tahap tinggi.
6. PR-1421-L03726
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah status terkini Kertas Putih FELDA dan apakah perancangan 3 tahun pertama pemerintahan Kerajaan baharu untuk menyelesaikan isu hutang peneroka FELDA, kejatuhan harga sawit, dan masalah perumahan generasi kedua FELDA.
7. PR-1421-L03635
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perancangan masa depan bekalan elektrik di Labuan memandangkan stesen janakuasa Patau-Patau yang ada sudah lama dan permintaan dijangka akan bertambah.
8. PR-1421-L03307
Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perkembangan pembinaan jalan raya di Semilang/Beradek/Tiang Api yang berjumlah RM45 juta dan pembinaan saluran paip dari Batu Kitang, Kuching ke Kawasan Tasik Biru, Lundu dan Sematan yang dilulus pada tahun 2017.
9. PR-1421-L03749
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah skim baru untuk perkhidmatan awam akan diperkenalkan untuk meningkatkan kecekapannya daripada segi khidmat dan kewangan negara.

10. PR-1421-L03269
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan strategi jangka pendek dan sederhana dalam merealisasikan Malaysia sebagai - Negara Keusahawanan.
11. PR-1421-L04033
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-
- (a) apakah perbezaan bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwat Ekonomi berbanding dengan Kementerian Kewangan ; dan
 - (b) adakah Kementerian atau Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab untuk menjawab soalan berkaitan ekonomi negara dari semasa ke semasa.
12. PR-1421-L04046
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam menyelesaikan masalah yang amat teruk di beberapa sekolah di Sarawak termasuk di Parlimen Kanowit akibat banjir besar musim perayaan Tahun Baru Cina 2019 ini.
13. PR-1421-L03063
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status pelaksanaan Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia (MFLS) ini di Sabah dan pemantauannya .
14. PR-1421-L03744
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang utk mengkaji semula bantuan tanam semula pekebun kecil dari RM9320/hektar kepada RM 11000/hektar, kerana kos untuk tanam semula getah telah meningkat berkali ganda yang memberi keperitan kepada pekebun kecil.
15. PR-1421-L04216
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bekeanan dengan peratusan laporan kemajuan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo sektor Jambatan Awik ke persimpangan Bintangor. Adakah sektor ini mengalami masalah kelewatan pembinaan.

16. PR-1421-L03143
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah status terkini isu PTPTN berhubung pembayaran balik pinjaman; dan
 - b) berapakah jumlah pemohon baharu, jumlah kutipan bayaran balik setakat 2018 dan langkah Kementerian bagi menggalakkan peminjam untuk membayar semula hutang mereka
17. PR-1421-L02978
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kenapa pemaju perlu membuat sumbangan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) semasa memajukan sesuatu projek padahal TNB menggutip bayaran daripada pelanggan-pelanggannya sebagai satu perniagaan.
18. PR-1421-L04111
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar pertumbuhan simpanan rakyat di institusi kewangan dari tahun 2010 hingga 2018.
19. PR-1421-L03366
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini mengenai rancangan untuk menghapuskan hutang tidak wajar para peneroka FELDA.
20. PR-1421-L03861
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) jumlah kes kemalangan jalan raya yang berlaku di Lebuhraya Pan Borneo atau jalan-jalan alternatif ketika pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang disebabkan kegagalan pematuhan langkah keselamatan oleh kontraktor; dan
 - (b) apakah langkah keselamatan yang diambil Kementerian dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya dijamin ketika kerja pembinaan Lebuhraya Pan Borneo disebabkan banyak kemalangan jalan raya berlaku ketika kerja pembinaan.

21. PR-1421-L03985
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran kebaikan vaksin di kalangan ibu bapa serta menghapuskan stigma negatif terhadap vaksin.
22. PR-1421-L03489
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kementerian memperkasakan program pengurangan kemudaratan dari aspek sosial dengan melibatkan institusi masjid, seperti yang pernah dijalankan di Masjid Ar-Rahman dan di Surau Ad-Deeniah, memandangkan 22 pusat rehabilitasi '*Cure and Care*' ini telah pun ditutup.
23. PR-1421-L03418
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya menyelesaikan masalah komuniti India yang tidak mempunyai status kewarganegaraan (*stateless Indians*) dalam tempoh pentadbiran dan berapa jumlah mereka yang telah menerima kewarganegaraan setakat hari ini.
24. PR-1421-L03320
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah penguatkuasaan yang dijalankan dalam membanteras kegiatan jenayah siber seperti perjudian dalam talian yang mudah terdedah khususnya kepada remaja berumur 18 tahun ke bawah.
25. PR-1421-L04194
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah projek-projek pembangunan di Parlimen Bukit Gantang seperti pembinaan Taman Mewah Fasa 1, Bukit Gantang, Perak. (RM 200,000), membina Surau Hujung Matang, Bukit Gantang, Perak. (RM 250,000), penambah baik dan menaik taraf Masjid Al Islah, Pengkalan Aur, Taiping, Perak. (RM 1,400,000), peruntukan tambahan bagi menaik taraf Sekolah Agama Rakyat/Madrasah dan kerja-kerja berkaitan di Kawasan Parlimen Bukit Gantang, Perak. (RM 1,000,000), projek-projek Kecil di Kawasan Parlimen Bukit Gantang, Perak. (RM260,000) dan projek-projek Kecil dan Pembekalan Peralatan/ Keperluan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di kawasan Parlimen Bukit Gantang, Perak. (RM 500,000.00) yang dibatalkan disebabkan Surat Setuju Terima (SST) belum dikeluarkan akan dipertimbangkan semula permohonan demi kesejahteraan rakyat. Apakah bentuk prosedur yang ditetapkan bagi memudahkan proses permohonan semula ini.

26. PR-1421-L04029

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pihak industri mendapatkan pekerja tempatan khususnya dalam sektor dan jenis pekerjaan yang terbukti kurang diminati oleh pencari kerja tempatan serta langkah-langkah yang telah diambil atau dicadangkan oleh Kerajaan untuk menaikkan tahap gaji atau upah pekerja-pekerja Malaysia.

27. PR-1421-L03186

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kes penceraian yang telah difailkan sepanjang tahun 2018 mengikut pecahan kaum.

28. PR-1421-L03585

Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi meningkatkan tahap keselamatan di pintu sempadan sekiranya ia beroperasi 24 jam mulai April ini :-

- (a) adakah Kerajaan akan menambah jumlah petugas keselamatan untuk mengawal sempadan; dan
- (b) adakah semua peralatan pemantauan termasuk kamera litar tertutup (CCTV) di sepanjang pagar sempadan di Bukit Kayu Hitam mencukupi untuk membanteras pencerobohan.

29. PR-1421-L03097

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah majikan yang telah mencarum untuk pekerja mereka dalam Skim Insurans Pekerjaan dan berapakah jumlah majikan yang dikenakan tindakan kerana tidak mencarum ; dan
- (b) berapakah jumlah pekerja yang telah mendapat manfaat daripada Skim Insurans Pekerjaan ini semenjak Januari 2018 - Februari 2019.

30. PR-1421-L02954

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian boleh menggalakkan kolej-kolej perubatan yang kekurangan sumber (seperti tenaga ajar dan hospital atau pusat perubatan sendiri) untuk bergabung.

31. PR-1421-L03023
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian hendak mewujudkan sebuah badan berkecuali seperti "*New Zealand Qualifications Authority*" bagi memastikan carian boleh dibuat untuk memastikan kesahihan pemilik-pemilik ijazah atau kelayakan akademik di kalangan rakyat Malaysia.
32. PR-1421-L03085
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pembinaan klinik kesihatan di dalam Parlimen Ledang bagi menggantikan Klinik Kesihatan Payamas dan berikan anggaran tempoh masa untuk kerja pembinaan akan mula dilaksanakan.
33. PR-1421-L03906
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan punca harga rumah yang tinggi dalam pasaran terutamanya di Sabah dan apakah usaha bagi menurunkannya ke paras yang mampu milik iaitu bersesuaian dengan pendapatan tahunan isi rumah rakyat Sabah.
34. PR-1421-L03154
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk membina semula Kuarters Klinik Kesihatan Nabawan yang lama yang telah mengalami kebakaran.
35. PR-1421-L02992
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah terdapat aktiviti mengorek pasir secara haram dan pencerobohan di tanah milik Kerajaan.
36. PR-1421-L03722
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional kelulusan diberikan kepada permohonan lawatan sambil belajar pihak Polis Diraja Malaysia ke Turki yang dibiayai oleh sebuah syarikat perjudiaan, Da Ma Cai.
37. PR-1421-L03428
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan bercadang untuk melaksanakan projek-projek LRT/MRT di Pulau Pinang.

38. PR-1421-L03669
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menambah hari persidangan kepada 100 hari bagi membolehkan sesuatu rang undang-undang tidak dibahas secara terburu-buru dan adakah Parlimen akan memperkenalkan sesi soal jawab khas Perdana Menteri dalam tempoh sekurang-kurangnya 45 minit dalam sesi penggal kali ini.
39. PR-1421-L04271
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah transformasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) akan dilakukan untuk menepati keperluan semasa, dan adakah pihak Kementerian akan melakukan kerjasama dengan swasta bagi membangunkan sistem pendidikan ini.
40. PR-1421-L03279
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan sebuah pangkalan data bagi Majlis Akreditasi Sijil Akademik yang diiktiraf di negara ini; dan
 - (b) apakah Kementerian bersedia untuk mewujudkan undang-undang baharu seperti Akta Verifikasi atau pengesahan kelulusan akademik di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan Doktor Falsafah.
41. PR-1421-L02872
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah surau dan masjid yang didaftarkan dan tidak didaftarkan di seluruh dan nyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan lagi kemudahan dan prasarana bagi surau-sarau dan masjid-masjid ini termasuk menggunakan surau dan masjid bagi meningkatkan keimanan dan ketaqwaan umat Islam serta meningkatkan kefahaman terhadap Islam.
42. PR-1421-L03555
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pengagihan peruntukan untuk Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan, SJK (C), SJK (T) dan Sekolah Bantuan Kerajaan bagi tahun 2019.
43. PR-1421-L04266
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan/atau tindakan yang akan diambil untuk mewujudkan dan pelantikan jawatan Timbalan Ketua Polis Daerah di IPD Kampar agar ketiadaan jawatan Timbalan Ketua Polis Daerah ini yang telah berlarutan selama lebih daripada 15 tahun dapat diatasi dengan kadar segera .

44. PR-1421-L03032
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai nama syarikat-syarikat, tanah-tanah dan saham-saham milik Tabung Haji yang dipindah milik kepada Kementerian Kewangan. Nyatakan nilainya satu persatu.
45. PR-1421-L02902
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kebaikan yang bakal diperoleh untuk pelaksanaan *Asean Single Aviation Market*, kesiapsiagaan Malaysia serta cabaran yang bakal dihadapi.
46. PR-1421-L03602
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kebaikan dan keburukan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership(CPTPP)* serta langkah-langkah yang akan diambil Kerajaan untuk menjamin hak, kepentingan dan kedaulatan Malaysia terpelihara.
47. PR-1421-L03409
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memberikan data bagi tahun 2017 dan 2018 mengenai gejala dadah termasuklah pil kuda di kalangan pelajar sekolah di Kelantan. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah ini.
48. PR-1421-L03076
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil daripada lawatan kerja Ketua Polis Negara ke Turki, terutamanya dalam hal pencegahan aktiviti judi haram yang berleluasa pada masa kini.
49. PR-1421-L03653
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci mengenai perbelanjaan peruntukan penyelenggaraan sebanyak 50 juta setahun bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil sejak 5 tahun yang lalu iaitu dari tahun 2014 hingga 2018. Adakah wang peruntukan itu telah digunakan sepenuhnya untuk membantu sekolah-sekolah Tamil.

50. PR-1421-L03474

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah pendekatan yang harus Kerajaan ambil untuk menangani isu kesesakan di jalan utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan jalan raya sebegini kerana dalam masa kita menyokong kepada pembangunan masa hadapan, kita juga harus memastikan keselesaan dan ketenteraman awam terjamin. Oleh yang sedemikian, apakah cara untuk menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan badan pengurusan MRT mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan? Berapa kerap agensi Kerajaan yang dilantik menyemak dan mengenal pasti keselamatan pengguna jalan raya dan apakah tindakan yang telah diambil kepada pihak yang membina MRT tersebut pada kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan.

51. PR-1421-L03031

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan perbankan sepenuhnya di daerah Pitas terutamanya bagi bank-bank berkaitan kerajaan seperti Bank Simpanan Nasional bagi memenuhi kehendak dan keperluan rakyat di daerah Pitas yang telah lama diiktiraf sebagai sebuah daerah penuh namun sehingga kini belum jua memiliki perkhidmatan tersebut.

52. PR-1421-L03222

Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan dan tindakan segera yang diambil untuk tangani isu-isu penyelarasan dan pertindihan pelaksanaan program-program kebajikan masyarakat yang dilaporkan berjumlah 110 program dan diuruskan oleh 20 Kementerian/Agensi berkaitan sepertimana disebut oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2018 bagi menjamin keberkesanan dan impak positif pelaksanaan program-program tersebut.

53. PR-1421-L03574

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sebab moratorium perlombongan bauksit diangkat, mengemukakan SOP bagi menjaga kesihatan penduduk dan juga alam sekitar apabila perlombongan bermula semula, lokasi pembuangan deposit bauksit, langkah penguatkuasaan undang-undang serta menjelaskan setakat manakah *self-regulation* oleh syarikat perlombongan boleh dipercayai.

54. PR-1421-L04248
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status, mekanisme pelaksanaan, dan syarat (jika ada) mengenai perkongsian 50 peratus hasil kutipan cukai pelancongan dengan Kerajaan Negeri sepertimana yang diumumkan dalam Belanjawan 2019.
55. PR-1421-L02936
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah efektif Kementerian menangani masalah moral masyarakat terutama di media sosial pada masa kini.
56. PR-1421-L03392
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan dan langkah penguatkuasaan larangan merokok di restoran dan premis makanan, dan jumlah kompaun yang dikutip setakat ini.
57. PR-1421-L03593
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan analisa '*cost-benefit*' Kementerian mengenai keupayaan hospital awam memberi rawatan kepada pesakit mySalam dan PEKA50, berbanding kesudian Kerajaan meningkatkan bajet kesihatan kepada 7 peratus daripada GDP seperti dicadangkan oleh WHO.
58. PR-1421-L04160
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara terperinci bagaimana Kementerian mencapai sasaran pembinaan sejuta buah rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun dan adakah Kementerian menetapkan kuota tertentu bagi rumah mampu milik mengikut harga, lokasi dan jenis rumah.
59. PR-1421-L03396
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan untuk memajukan dan menambah baik sistem pengangkutan awam di seluruh Malaysia dan sasaran penggunaan pengangkutan awam yang telah ditetapkan memandangkan bilangan kenderaan dan bebanan kos tanggungan kenderaan individu yang semakin meningkat.

60. PR-1421-L04192
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan agar kad pengenalan Malaysia tidak diberi sewenang-wenangnya kepada orang asing di negeri Sabah.
61. PR-1421-L03537
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan pelajar bertaraf “*stateless*” atau tanpa dokumen yang belajar di semua sekolah rendah dan sekolah menengah Kerajaan di Malaysia (mengikut negeri) pada tahun 2019. Bagaimanakah Kementerian ingin menyelesaikan masalah pelajar ini bersaing dengan warganegara Malaysia untuk sumber pendidikan di sekolah.
62. PR-1421-L03693
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian serta mengambil kira permasalahan YB dari Pakatan Harapan yang sedang berlaku di negeri Sarawak, di mana ketua kaum atau tuai rumah dilarang menyertai program YB, malah ada yang diancam bergaul dengan YB atau dilarang hadir ke majlis anjuran Pakatan Harapan.
63. PR-1421-L03493
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-
- (a) kadar kenaikan tarif air yang akan dikenakan pada setiap negeri berdasarkan ‘*Tariff Setting Mechanism*’ (TSM) baru; dan
 - (b) impak tarif ini dari segi kepelbagaian kos kepada pengguna domestik dan komersil.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua , Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (27 Mac, 2019)

2. (D.R 1/2019) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**
Tambahan (2018) 2019 **Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima belas bilion empat ratus lapan puluh lima juta tiga ratus lapan puluh empat ribu dan satu ratus empat puluh dua ringgit (RM15,485,384,142) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2019 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

3. (D.R 33/2018) Rang Undang-Undang Pentadbiran **Bacaan Kali**
Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah **Yang Kedua**
Persekutuan) (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

4. (D.R 35/2018) Rang Undang-Undang Undang-Undang **"**
Sivil (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

5. **Menteri Kewangan akan mencadangkan :**

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM13,305 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut".

6. PR-1421-U(27)029

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan dengan Singapura berhubung kait isu persempadanan dan kedaulatan ruang udara kedua-dua negara yang timbul sejak kebelakangan ini. Senario diplomatik Malaysia dan Singapura telah banyak berubah apabila isu-isu persempadanan ruang udara timbul secara spesifiknya melibatkan pemakaian Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar dan kewujudan Kawasan Larangan Kekal (PRA) untuk aktiviti ketenteraan di ruang udara Pasir Gudang. Kerajaan perlu melihat situasi ini secara serius apabila Singapura membantah kewujudan PRA di ruang udara Pasir Gudang kerana pada anggapan mereka ia akan mengekang aktiviti penerbangan awam walaupun begitu jelas PRA itu hanya ditujukan kepada aktiviti ketenteraan sahaja. Cabaran juga timbul dan perlu diselesaikan oleh Kerajaan apabila Malaysia membuat bantahan terhadap penggunaan ILS yang memerlukan pesawat mengguna ruang udara Pasir Gudang yang akan mengundang kekangan pembangunan fizikal bandar itu terutamanya membabit isu had ketinggian bangunan dalam laluan ILS. Rundingan antara kedua negara ini amat penting dalam mempertahankan kedaulatan persempadanan negara dan seharusnya Malaysia bertegas dan berhati-hati supaya akhirnya kedua-dua negara mendapat penyelesaian yang terbaik dalam hal ini."

[Menteri Pengangkutan]

7. PR-1421-U(27)030

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menjelaskan kegelisahan anak muda mengenai perancangan dan dasar yang menyeluruh melibatkan pembangunan golongan belia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan Kerajaan terdahulu melalui Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan. Anak muda kini dibelenggu kerisauan berkenaan dasar pembangunan belia dan dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan. "

[Menteri Belia Dan Sukan]

8. PR-1421-U(27)031

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan halatuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan disamping mendapatkan input daripada rakyat berkenaan apakah rancangan Kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa panjang. Kegusaran rakyat kini adalah apa yang akan berlaku pada 30 tahun akan datang. Rakyat gusar mengenai cabaran taraf hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan akan terbantut. "

[Perdana Menteri]

9. PR-1421-U(27)032

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan perincian laporan penggunaan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerksaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET). Fungsi dan peranan penubuhan jawatankuasa ini semenjak diperkenalkan pada 21 Jun 2018 dilihat belum memberikan gambaran jelas berkenaan pelan perkembangan dan strategi pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda pemegang taruh meliputi pelajar, komuniti, industri dan penyedia TVET awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam bidang kemahiran. Kerajaan secara serius perlu memberikan perhatian terhadap perkara ini kerana ia melibatkan pendidikan dan masa hadapan anak muda yang inginkan jaminan Kerajaan memastikan mereka berjaya dalam bidang kemahiran. "

[Menteri Pendidikan]

10. PR-1421-U(27)033

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap kebimbangan keadaan tidak selamat melibatkan banduan dalam penjara di seluruh negara merangkumi isu kepadatan sel, masalah kemudahan dalam penjara, tahap kawalan kesihatan dan keselamatan penjara serta penyebaran wabak penyakit. Kebanjiran jumlah banduan di dalam sesetengah penjara di negara ini menyebabkan keadaan yang tidak kondusif berlaku seterusnya mengakibatkan risiko penyebaran wabak penyakit yang lebih tinggi seperti penyakit TB dan kencing tikus. Sebuah kajian menyeluruh dan komprehensif harus dibentang dan dibincangkan segera bagi mendapatkan penyelesaian memandangkan situasi ini akan memberikan kesan terhadap persekitaran sekeliling dan ia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan."

[Menteri Dalam Negeri]

11. PR-1421-U(27)034

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan Negara dengan memperkasa identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang dilihat semakin lesu dan tidak aktif. Kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah perancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat Rukun Negara dalam diri setiap warganegara disamping membentangkan laporan kewangan dan prestasi JPNIN bagi suku ketiga dan keempat tahun 2018. Kerisauan yang timbul adalah Kerajaan baharu ini dilihat tidak memperkasa fungsi dan peranan JPNIN yang mempunyai struktur jawatankuasa yang efisien dan tersusun malah Kerajaan dilihat hilang fokus terhadap strategi menyediakan perancangan khusus bagi perpaduan dan integrasi nasional secara keseluruhan."

[Perdana Menteri]

12. PR-1421-U(27)035

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar Kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Kerajaan perlu menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti Syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara. Kerajaan juga harus menetapkan kewajipan buat seluruh institusi pentadbiran dan agensi Kerajaan seluruh negara menggunakan kenderaan berjenama tempatan sebagai kenderaan rasmi supaya ia dapat dilihat sebagai usaha menyokong semangat kenegaraan dan membantu merencanakan perkembangan produk kereta nasional."

[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

13. PR-1421-U(27)039

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu **Jawatankuasa Pemilih Khas** ditubuhkan dan satu **referendum rakyat** diadakan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati. "Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat. "

[Perdana Menteri]

14. PR-1421-U(27)040

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) tidak dibatalkan memandangkan ia sudah siap 20% dan Kerajaan perlu membayar pampasan yang tinggi kerana melanggar kontrak perjanjian. Tambahan pula, landasan yang akan memendekkan jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ini berupaya memberi manfaat ekonomi kepada negara dengan melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product* (GDP) di tiga negeri pantai timur sebanyak 1.5%. Ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur, rangkaian hubungan yang penting di antara timur dan barat serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar-luar bandar. Maka Dewan Rakyat menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat meneruskan projek ECRL ini."

[Perdana Menteri]

15. PR-1421-U(27)041

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) dengan mengeluarkan unsur-unsur berkaitan kepentingan negara yang sensitif daripada Laporan CEP serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan oleh CEP. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan dewan ini pada 15 Oktober 2018 bahawa CEP telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018 dan pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Memandangkan enam bulan telah berlalu untuk Kerajaan untuk meneliti Laporan CEP, maka atas prinsip ketelusan dan akauntabiliti, tibalah masa bagi Kerajaan untuk mendedahkan Laporan CEP supaya rakyat Malaysia dapat memberikan input serta sama-sama menentukan hala tuju negara."

[Perdana Menteri]

16. PR-1421-U(27)042

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee-IRC*) serta laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan pembaharuan oleh IRC. Memandangkan wujudnya dakwaan oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan melalui affidavit yang boleh menjejaskan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman baru-baru ini, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang substantif dalam pentadbiran institusi-institusi seperti badan kehakiman dalam negara. "

[Perdana Menteri]

17. PR-1421-U(27)043

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn Bhd dan Sime Darby seperti yang diwar-warkan, ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang dicarum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

18. PR-1421-U(27)044

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun 2013.

Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan. "

[Menteri Pendidikan]

19. PR-1421-U(27)045

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.

Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.

Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk cina. "

[Menteri Pendidikan]

20. PR-1421-U(27)046

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1.5 juta bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara.

Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah. "

[Perdana Menteri]

21. PR-1421-U(27)027

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Perdana Menteri]

22. PR-1421-U(27)028

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urustadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

23. PR-1421-U(27)036

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Banyak kuarters-kuarters guru yang dibina di seluruh negara dengan bagitu cantik dengan harga beratus juta ringgit ditinggalkan kosong tidak didiami. Kuarters ini telah banyak yang rosak dan tidak terjaga. Kawasan dipenuhi semak samun dan tidak terurus. Banyak yang menjadi tempat penagih dadah beroperasi dan kawasan ini menjadi bukti bagaimana Kerajaan tidak prihatin terhadap alam sekitar dan pembaziran wang rakyat yang amat luar biasa. Dicadangkan semua kuarters ini dijual kepada mana-mana pihak dengan harga yang berpatutan supaya beban tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan dan pulangan dari jualan ini boleh digunakan bagi mereka yang memerlukan."

[Menteri Pendidikan]

24. PR-1421-U(27)037

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Dadah telah mula masuk ke sekolah-sekolah. Walau pun jumlahnya masih kecil tetapi tindakan segera mesti diambil. Bagi mengelak dari pelajar terlibat sekolah disarankan memperbanyakkan kegiatan pasukan beruniform seperti kadet tentera, kadet polis, kedet bomba, pengakap dan lain-lain pasukan beruniform dan perbanyakkan aktiviti luar sekolah. Kegiatan ini semua akan membina perasaan kekitaan dan saling tegur menegur. Jabatan kaunseling di sekolah juga mesti diperkemaskan agar pelajar yang menghadapi masalah cepat dikenal pasti dan diambil tindakan."

[Menteri Pendidikan]

25. PR-1421-U(27)038

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Kemalangan jalan raya makin meningkat di negara ini. Di antara punca kemalangan ialah pengguna yang cuai dan penguatkuasaan oleh agensi yang lemah. Sebagai contoh kemalangan melanggar kenderaan yang diberhenti di bahu jalan, atau kenderaan yang rosak ditinggalkan tanpa dipaparkan notis kereta/kenderaan rosak. Kerajaan hendaklah menggunakan semua ruang seperti TV dan radio bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna jalan raya jika kenderaan mereka rosak, notis secukupnya mesti dipamerkan agar pengguna yang lain sedar dan tahu masalah wujud di hadapan mereka dan mereka akan bersedia untuk elakkan dari melanggar kenderaan yang rosak ini."

[Menteri Pengangkutan]

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 28.03.2019 (Khamis)	1. YB Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)	1. Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya (ERC) di Malaysia	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**